

IOQRA'

Bil. 1/2022

JANUARI

eISBN : 2735-1920



LIVE@PTAR Misi Kesukarelawan: Duta Sosial & Kebajikan
PTAR Shah Alam - muka 6



Perbincangan Kolaborasi Antara PTAR & Unit Perkhidmatan OKU
PTAR Shah Alam - muka 10



Library Outreach Bersama Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2021/2022
PTAR Alor Gajah - muka 15



LIVE@PTDI Sembang Santai: Dari Segamat ke England
PTAR Segamat - muka 22



LIVE@PTAR Better Marks Secrets Online Databases
PTAR Kedah - muka 33

PROMOSI@PTAR



LAWATAN TANDA ARAS & LATIHAN SANGKUT UNIT ARKIB CAWANGAN UiTM MELAKA & JOHOR KE JAU 24 JANUARI 2022

Disediakan oleh: Abdul Razak Abdul Rahman



Pada 24 Januari 2022 (Isnin), Jabatan Arkib Universiti (JAU) telah menerima kunjungan 13 orang staf iaitu 8 orang dari Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka, Puan Noor Hayati binti Abu Kassim, Timbalan Ketua Pustakawan; Puan Maznah Maarof, Pustakawan Kanan; Cik Ilya Nur Fateen binti Othman, Pustakawan; Encik Nazri bin Abu Bakar, Pembantu Pustakawan Tertinggi; Encik Jonizam bin Abu Kasim, Pembantu Pemuliharaan Kanan; Encik Kamalrulamir bin Amat, Pembantu Pustakawan Kanan; Puan Salina binti Salehin, Pembantu Pustakawan Kanan dan Encik Muhamad Asri bin Abu Hashim, Pembantu Pemuliharaan. Manakala 5 orang dari Perpustakaan UiTM Cawangan Johor iaitu Puan Siti Rozana binti Mat Sanat, Pustakawan Kanan; Puan Eny binti Musa, Pembantu Pustakawan Kanan; Nurul Amin bin Norudin, Pembantu Pemuliharaan Kanan; En. Idris bin Muhammad, Pustakawan Kanan (Kampus Pasir Gudang); Puan Noor Syafiqah binti Mohd Ali, Pembantu Pustakawan.

Lawatan ini diadakan adalah untuk mengetahui keseluruhan berkaitan JAU yang meliputi Unit Penyelidikan dan Dokumentasi, Galeri Tun Abdul Razak (GTAR), Unit Rekod dan Arkib dan Unit Pemuliharaan Bahan. Selain itu, mereka juga berhasrat mendapatkan pendedahan dan amalan terbaik bagi proses pembangunan dan pengurusan arkib universiti. Mereka juga telah dibawa untuk meninjau persekitaran JAU bagi melihat koleksi-koleksi yang dipamerkan. Lawatan penandaarasan ini telah memberi input kepada mereka dalam usaha menguruskan koleksi arkib dan galeri di UAC (Unit Arkib Cawangan).

Selanjutnya 10 orang staf daripada kedua-dua Unit Arkib Cawangan ini akan menjalani Latihan Sangkut selama 3 hari iaitu 24 hingga 26 Januari 2022 bagi Unit Arkib Cawangan UiTM Johor dan manakala 5 hari iaitu 24 hingga 28 Januari 2022 bagi Unit Arkib Cawangan UiTM Melaka.

